

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Eksport perkhidmatan meningkat 59.3 peratus
saysia's 2022 services exports jump to RM140.3b

Eksport perkhidmatan meningkat 59.3 peratus

Sektor perjalanan pacu pertumbuhan positif, kecilkan defisit dagangan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Eksport perkhidmatan Malaysia meningkat 59.3 peratus kepada RM140.3 bilion pada 2022 berbanding RM88.1 bilion pada tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam satu kenyataan berkata, terdapat peningkatan ketara dalam eksport perkhidmatan berbanding import perkhidmatan, walaupun ia juga meningkat daripada RM153.7 bilion kepada RM196.7 bilion pada 2022.

"Perjalanan yang menjadi komponen utama bagi sektor perkhidmatan Malaysia sebelum pandemik, kembali pulih pada 2022 dengan memainkan peranan penting dalam memacu prestasi perdagangan perkhidmatan negara.

"Eksport komponen itu menunjukkan tanda pemulihan menggalakkan dengan mencatatkan RM28.4 bilion, peningkatan yang ketara berbanding RM0.3 bilion pada tahun sebelumnya.

"Pada masa sama, import perjalanan juga menunjukkan trend peningkatan, mencapai RM29.5 bilion berbanding RM15.2 bilion



Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia pada 2022 bernilai RM336.9 bilion, menyumbang 18.8 peratus kepada KDNK.

pada tahun sebelumnya," katanya dalam Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS) 2022.

DOSM berkata, walaupun terdapat pertumbuhan yang positif, nilai eksport dan import masih rendah berbanding kemuncak prapandemik, iaitu masing-masing sebanyak RM82.1 bilion dan RM51.3 bilion pada 2019.

Katanya, oleh kerana pertumbuhan eksport lebih laju berbanding import, perjalanan mencatatkan defisit yang lebih rendah, iaitu RM1.2 bilion berbanding RM14.9 bilion pada 2021.

Secara keseluruhannya, jum-

lah perdagangan perkhidmatan Malaysia pada 2022 adalah berjumlah RM336.9 bilion, menyumbang 18.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Defisit dalam perdagangan perkhidmatan mengecil kepada RM56.4 bilion berbanding tahun sebelumnya disokong oleh prestasi berdaya tahan pada perjalanan.

"Defisit yang lebih rendah dalam perdagangan perkhidmatan Malaysia berbanding tahun sebelumnya masih lebih tinggi daripada paras prapandemik sebanyak defisit RM10.9 bilion pada 2019," katanya.

Segimen eksport
Mengenai perdagangan perkhidmatan Malaysia dengan negara global pada 2022, DOSM berkata, Amerika Syarikat (AS) muncul sebagai destinasi utama bagi perdagangan perkhidmatan negara.

Eksport ke AS katanya, bernilai RM36.7 bilion dan import RM56.6 bilion, masing-masing meningkat 34.9 peratus dan 55.8 peratus tahun ke tahun.

Katanya, Malaysia mengeksport, terutama dalam perkhidmatan pembuatan dan perkhidmatan perniagaan lain ke AS, manakala mengimpor kebanyakannya dalam perjalanan dan perkhidmatan perniagaan lain.

Singapura pula menjadi negara kedua bagi eksport dan import yang masing-masing berjumlah RM34.6 bilion dan RM26.9 bilion.

Rakan dagang ketiga bagi eksport ialah Hong Kong pada RM8.1 bilion, manakala bagi import ialah China RM16.6 bilion.

"Secara keseluruhan, perdagangan perkhidmatan Malaysia menunjukkan daya tahan dan kemajuan pada 2022.

"Sektor perjalanan memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan positif dan mengecilkan defisit perdagangan."

"Dengan pembukaan semula sempadan sepenuhnya oleh negara di seluruh dunia pada 2022, terdapat jangkaan yang tinggi untuk pemulihan lebih pantas dalam eksport perjalanan untuk kembali menghampiri paras prapandemik," katanya.